

# PM utus surat mohon kuota tambahan haji

■ KUALA LUMPUR 27 MEI

**P**ERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengutus surat rasmi kepada kerajaan Arab Saudi berhubung permohonan kuota tambahan jemaah haji Malaysia bagi musim haji tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH), Datuk Seri Zukri Samat berkata, bagaimanapun buat masa ini, Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) masih belum menerima sebarang jawapan rasmi berkenaan keputusan permohonan itu daripada kerajaan Arab Saudi.

“Kita telah menggunakan saluran tertentu untuk membolehkan kita tetap mendapat kuota tambahan berkenaan. Kita amat berharap kalau tak dapat 10,000 kuota sekurang-kurangnya 8,000 masih berpeluang.

“Saya difahamkan perdana menteri sendiri telah mengutus surat kepada kerajaan Arab Saudi (baru-baru ini) berhubung kuota tambahan ini. Jadi kita harap jawapannya adalah secepat mungkin kerana musim haji sudah tidak lama lagi,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Khatam al-Quran dan World #QuranHour peringkat Tabung Haji di sini, hari ini.

Kuota rasmi yang diperuntukkan Arab Saudi kepada Malaysia bagi tahun ini adalah sebanyak 30,200 orang.

Ditanya sama ada pihaknya yakin akan tetap mendapat kuota tambahan bagi jemaah haji Malaysia, Zukri berkata, sukar untuk beliau menjangkakan hal itu memandangkan banyak faktor yang perlu diambil kira oleh Kerajaan Arab Saudi sebelum memutuskan perkara itu.

Bagaimanapun, kata beliau, Tabung Haji amat berharap agar kuota tambahan itu dapat diberikan bagi mengurangkan tempoh menunggu bakal haji yang jumlah tempohnya sekarang dianggarkan selama 120 tahun.

Menurut beliau, penerbangan pertama bagi jemaah haji Malaysia akan berlepas pada 4 Julai manakala penerbangan terakhir adalah pada 4 Ogos dan jangkakan hari wukuf adalah pada 10 Ogos bagi musim kali ini.

Dalam pada itu, Zukri berkata, Tabung Haji yakin dapat memberikan pengagihan hibah bagi tahun kewangan 2019 yang lebih tinggi iaitu melebihi 1.25 peratus pada 2018 berikutan perkembangan positif dan pengurusan pemulihan yang baik dilaksanakan TH ketika ini. - **BERNAMA**